

20/11/2000

Penolakan cadangan pindaan timbulkan pelbagai reaksi

KUALA LUMPUR, Ahad - Keputusan menolak cadangan pindaan Perlembagaan Umno mengenai kuasa cawangan melantik seorang wakil bagi setiap 50 ahlinya menghadiri mesyuarat bahagian, menimbulkan pelbagai reaksi yang berbeza di kalangan pemimpin peringkat akar umbi.

Ketua Umno Cawangan Pendamaran Baru, Klang, Ghazali Mat Deros berkata, dengan mengekalkan perlembagaan sedia ada, ia akan hanya meningkatkan cawangan Umno yang tidak berfungsi atau lebih dikenali cawangan `bunian'.

"Alasan yang ditimbulkan mengenai banyak cawangan gagal menghantar wakil ke mesyuarat bahagian tidak boleh diterima kerana itu semua adalah tanggungjawab ketua cawangan.

"Kelemahan cawangan mengumpulkan ahli untuk mesyuarat menggambarkan ketua cawangannya gagal melaksanakan tanggung jawab mereka. Akibatnya, perwakilan yang dipilih hanya sekadar tangkap muat dan bukan melalui mesyuarat khas," katanya.

Perhimpunan khas itu meluluskan 49 daripada 50 pindaan perlembagaan parti, kecuali fasal 14.4.4 mengenai kuasa cawangan melantik seorang wakil bagi setiap 50 ahlinya yang menjelaskan yuran bagi menghadiri mesyuarat bahagian dengan jumlah maksimum lima orang, dikekalkan.

Cadangan pindaan yang tidak diluluskan itu mensyaratkan 50 ahlinya yang sudah menjelaskan yuran perlu hadir mesyuarat cawangan bagi melayakkannya menghantar seorang perwakilan ke bahagian.

Fasal berkenaan dikekalkan berikutan bantahan sebahagian besar perwakilan yang membahaskannya pada peringkat jawatankuasa, dengan alasan ia akan menyebabkan banyak cawangan gagal menghantar wakil ke mesyuarat bahagian.

Sehubungan itu, Ghazali berkata beliau akan mendapatkan tandatangan beberapa ketua cawangan di negeri lain yang menyokong kepada pindaan fasal itu sebelum diserahkan kepada Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketua Umno Bahagian Tambun, Perak, Datuk Husni Hanadzlah, yang turut menyokong usul pindaan fasal berkenaan bagaimanapun berkata, pemimpin akar umbi hendaklah mencuba pindaan baru yang membabitkan kuasa diberi kepada ketua cawangan dalam meluluskan pendaftaran ahli.

"Kalau sebelum ini, kelulusan pendaftaran terpaksa melalui beberapa peringkat termasuk bahagian dan Majlis Tertinggi (MT), tetapi dengan pindaan ini, cawangan boleh meluluskannya.

Husni berkata, pucuk pimpinan Umno sedar akan kepentingan cawangan sebagai penggerak kepada perjuangan parti, tetapi keputusan mengenai fasal berkenaan sudah ditetapkan oleh majoriti perwakilan yang hadir pada perhimpunan khas itu.

Ketua Umno Bahagian Serdang, Datuk Satim Diman berkata beliau tetap berpendapat fasal itu perlu dikekalkan kerana banyak cawangan gagal menghantar wakil ke mesyuarat bahagian.

Katanya, kekurangan ahli menghadiri mesyuarat cawangan kebanyakannya disebabkan sikap tidak prihatin atau sikap jemu kepada perkembangan parti.

"Ini mungkin berpunca kepada politik pada peringkat cawangan sehingga ahli malas hendak menghadiri mesyuarat," katanya sambil menambah peringkat cawangan sepatutnya komited bukan saja dengan kehadiran ahli tetapi sumbangan yang diberikan.

Di ALOR SETAR, Ketua Umno Cawangan Gunung Sali, Mergong, Soda Puteh berkata perwakilan mengambil tindakan bijak untuk tidak meminda fasal

berkenaan kerana Umno cawangan masih tidak mampu menghantar wakil ke mesyuarat bahagian akibat kesukaran semua ahli menghadiri mesyuarat cawangan.

"Bukan mudah untuk memastikan semua ahli cawangan hadir dalam mesyuarat cawangan. Jika Umno meminda fasal itu, maka kita terpaksa memastikan semua ahli cawangan hadir dalam mesyuarat cawangan tetapi bukan semua ahli yang akan hadir," katanya.

Ketua Umno Cawangan Seberang Tambang Badak, Ahmad Hassan pula berkata beliau gembira apabila fasal itu tidak dipinda kerana masih ramai ahli yang sentiasa tidak hadir untuk mesyuarat.

Di JOHOR BAHRU, Ketua Umno cawangan Kampung Ladang, Tanjung Kupang, Gelang Patah, Ibrahim Atan berkata fasal 14.4.4 Perlembagaan Umno wajar dikekalkan kerana selama ini ia tidak mendatangkan masalah kepada ahli di peringkat cawangan.

Beliau berkata, pengekalan itu dapat mengelak ahli di peringkat akar umbi yang menjadi perwakilan mengeluarkan pendapat dan cadangan di peringkat bahagian.

"Ia juga boleh menjadikan berlakunya persaingan sengit di kalangan ahli kerana ia menyebabkan cawangan kurang menghantar wakil ke mesyuarat bahagian," katanya.

(END)